

02
BAHASA MELAYU
OGOS
2017
2 JAM

Nama Pelajar :

Tingkatan : ARAHAN: ...



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

BAHASA MELAYU
MASA : DUA JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

- Buka kertas soalan ini apabila diberitahu.
- Tulis nama dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.
- Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
- Kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk kegunaan pemeriksa

Nama pemeriksa:

Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
JUMLAH	100	

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan Bahagian D.

BAHAGIAN A
(25 markah)

1. Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan bahasa**. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Tilam itu mahal harganya kerana dibuat dari getah asli.

Getah ini mahal harganya kerana dibuat dari getah asli.

- (ii) “Para-para pelajar dikehendaki berusaha dengan bersungguh-sungguh sekiranya ingin berjaya,” kata cikgu Ghazali kepada murid-muridnya.

Para-para pelajar dikehendaki berusaha dengan bersungguh-sungguh sekiranya ingin berjaya, kata cikgu Ghazali kepada murid-muridnya.

- (iii) Dari masa ke semasa, pihak majikan yang prihatin akan sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada pekerjanya.

Dari masa ke semasa, pihak majikan yang prihatin akan sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada pekerjanya.

- (iv) Bonda permaisuri sakit setelah mendapat perkhabaran anakanda putera kesayangan terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Bonda permaisuri sakit setelah mendapat perkhabaran anakanda putera kesayangan terlibat dalam kemalangan jalan raya.

(8 markah)

2. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
- (i) Pak Hamid mérupakan seorang penjual murtabak yang tersohor di Pekan Kuah, Langkawi.
-
- (ii) Rambut adik yang kerinting itu menjadi perhatian ramai semasa berada di pasar raya.
-
- (iii) Puan Azah membeli sebuah kamus tri-bahasa untuk kegunaan anak-anaknya.
-

(3 markah)

3. Tukar ayat susunan biasa di bawah kepada ayat susunan songsang. Anda perlu menulis ayat itu semula pada ruang jawapan yang disediakan.
- (i) Kamarul Asyraf masih mengenangi peristiwa lama yang amat menyayat hatinya.
-
- (ii) Perompak yang ditangkap oleh polis telah dijatuhkan hukuman penjara selama 10 tahun setelah disabitkan dengan kesalahan yang dilakukan olehnya.
-


- (iii) Ustaz Azli sedang mengajarkan Al-Quran pada ketika itu.
-
-

- (iv) Tiga puluh buah sekolah menengah sekitar Kota Bharu telah mengadakan kem kecemerlangan untuk murid-murid tingkatan 3 di Politeknik Kota Bharu baru-baru ini.
-
-

- (v) Walaupun hari hujan, murid-murid Sekolah Menengah Bukit Sinai masih bersemangat untuk hadir ke sekolah.
-
-

(10 markah)

4. Lihat gambar dan petikan dialog di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan situasi tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

BAHAGIAN B
(30 markah)

5. Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka bininya pun menangis tiada makan jikalau tiada buah mempelam yang dalam taman raja itu. Maka bininya pun berkata, "Biarlah aku mati sekali."

Maka terlalulah sebal hati suaminya melihatkan laku bininya seperti orang hendak mati rupanya tiada berdaya lagi. Maka suaminya pun pergila menghadap Maharaja Indera Dewa itu. Maka baginda pun sedang dihadap oleh segala anak raja-raja. Maka Miskin pun sampailah ia lalu masuk ke dalam sekali.

Maka titah baginda, "Hai, Miskin apa kehendakmu?" Maka Miskin pun sujud kepalanya lalu ke tanah sembahnya, "Ya Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertua akan patik yang hina ini, patik hendak memohon akan mempelam Duli Syah Alam yang gugur barang sebiji." Maka titah baginda kepada hambanya, "Pergila engkau ambilkan buah mempelam itu barang setangkai kepada Miskin." Maka diambilkan oranglah, diberikannya kepada Miskin itu. Maka diambilnya seraya menyembah kepada baginda itu lalu ia keluar berjalan kembali.

Maka baginda pun berangkat masuk ke dalam istananya. Maka segala raja dan menteri hulubalang itu pun masing-masing pulang ke rumahnya. Maka Miskin pun sampailah kepada tempatnya. Setelah dilihat oleh bininya akan suaminya datang membawa buah mempelam setangkai, maka ia pun tertawa seraya disambutnyalah lalu dimakannya. Setelah sudah itu ada selang tiga hari antaranya maka isterinya pun menangis pula hendak makan buah nangka yang di dalam taman raja itu juga. Maka pergi pula Miskin itu memohonkan kepada baginda itu. Maka sujudlah pula ia kepada baginda. Maka titah baginda, "Apa pula kehendakmu, hai Miskin?" Maka sahut Si Miskin, "Ya Tuanku, ampun beribu-ribu ampun," serta ia sujud kepalanya lalu diletakkannya ke tanah serta ia berkata pula. "Hamba ini orang miskin, hamba minta daun nangka yang gugur ke bumi barang sehelai." Maka titah baginda, "Hai, Miskin, hendak kau buatkan apa daun nangka, baiklah aku beri buahnya barang sebiji." Maka diberikan kepada Si Miskin itu. Maka ia pun seraya bermohon kembali mendapatkan isterinya itu.

(Dipetik daripada prosa *Bahagia Sesudah Derita*,

Antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Aras Mega(M) Sdn.Bhd)

- (i) Berdasarkan petikan prosa tradisional, nyatakan **dua peristiwa** yang menggambarkan Maharaja Indera Dewa seorang raja yang pemurah.

(3 markah)

- (ii) Jelaskan **dua persoalan** yang terdapat dalam petikan prosa tradisional?

}

(3 markah)

- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara yang sepatutnya anda lakukan untuk membantu golongan miskin?

(4 markah)

6. Baca seloka di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Santap Istiadat

Santap beradat, santap istiadat,
 Santap raja di majlis kebesaran,
 Santap merai, hormat-menghormat;
 Bukan santap hendakkan kenyang,
 Santap santun dengan aturan.

Nasi disuap di tangan kanan,
 Lauk dibinjat sopan siuman,
 Sampai ke mulut mamah perlahan,
 Tanda tidak gelojoh makan.
 Selesai santap nasi -
 Diiringkan seteguk minuman,
 Isyarat menghormat, mulia-memuliakan.

Santap nasi suap pertama,
 Berturut dengan suap kedua;
 Dua suap, ketiga sudah,
 Keempatnya basuh tangan;
 Kelima halwa juadah,
 Keenam mengiring buah-buahan.

Ketujuh berkumur-kumur,
 Ke delapan makan sirih;
 Kelat jatuh ke rengkungan,
 Seri naik ke peroman.

Itulah santap beradat kebesaran
 Di dalam riwayat zaman yang silam.

(Za'ba, Kalung Bunga Za'ba, 2008,
 Dipetik daripada antologi, *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
 Aras Mega (M) Sdn. Bhd.)

- (i) Berdasarkan seloka Santap Istiadat, nyatakan tatacara yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang sesudah makan.

(3 markah)

- (ii) Pelbagai unsur gaya bahasa digunakan dalam seloka Santap Istiadat. Nyatakan dua gaya bahasa berserta contoh yang sesuai.

(3 markah)

- (iii) Adab sopan dan tertib ketika makan dalam sesuatu majlis sangat dipentingkan. Pada pendapat anda, kenapakah seseorang itu perlu beradab sopan ketika makan?

(4 markah)

7. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan tiga.

NOVEL	PERWATAKAN WATAK UTAMA
CHOT KARYA AZIZI HAJI ABDULLAH	Seorang yang penyayang

Berdasarkan novel di atas,uraikan tiga peristiwa yang menyokong kenyataan tersebut.

(10 markah)

BAHAGIAN C
(15 markah)

8. Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya hendaklah antara **80 hingga 100 patah perkataan**.

KELUARGA BAHAGIA



Ibu bapa membentuk sahsiah anak-anak

Meluangkan masa bersama dengan anak-anak

Saling menghormati antara satu sama lain

BAHAGIAN D

(30 markah)

9. Gambar di bawah berkait dengan aktiviti sukan. Teliti gambar tersebut, kemudian pilih **satu daripada tiga soalan** yang dikemukakan. Anda boleh memilih untuk menjawab sama ada Soalan 1, Soalan 2, atau Soalan 3. Panjangnya karangan anda hendaklah **melebihi 180 patah perkataan**.

KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN



- (i) Baru-baru ini, anda telah menyertai beberapa acara sempena kejohanan sukan tahunan peringkat sekolah.

Ceritakan pengalaman anda semasa menyertai kejohanan tersebut.

- (ii) Bersukan merupakan salah satu aktiviti riadah yang sangat digalakkan dalam kalangan masyarakat.

Bincangkan kepentingan bersukan dalam kehidupan seseorang.

- (iii) Sebagai setiausaha rumah sukan, anda ditugaskan untuk menyediakan laporan tentang kejohanan sukan tahunan yang telah diadakan di sekolah anda.

Tulis laporan itu selengkapnya.

SULIT

14

02

KERTAS SOALAN TAMAT